TEKS UCAPAN

YB DATUK TS. MUSTAPHA SAKMUD
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (SUKIPT) 2024

7 SEPTEMBER 2024 (SABTU)
8.30 MALAM

STADIUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
SINTOK, KEDAH

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis!

Bismillahirahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T dan
Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

[RUJUK SALUTASI]

1. Alhamdulillah, Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dapat kita berkumpul pada malam ini dalam **MAJLIS PERASMIAN SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI ATAU SUKIPT 2024.**

2. **Apa khabar semuanya?** Saya dengar sejak semalam lagi, masing-masing sudah mula menunjukkan taring untuk menang dalam acara yang disertai. Apa-apa pun, saya doakan agar semuanya kekal sihat dan dapat meneruskan pertandingan sehingga akhirnya. Insya-Allah!

Hadirin dan hadirat, warga SUKIPT yang saya kasihi sekalian,

3. SUKIPT merupakan medan kepada pencarian serta untuk persediaan atlet pelapis di peringkat IPT untuk bersaing di temasya sukan yang lebih besar dan berprestij seperti Sukan Universiti Asean (AUG) dan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE).

4. Usaha ini memperlihatkan **KPT sentiasa relevan** sebagai salah satu agen yang turut membantu dalam mempertingkatkan pembangunan mutu sukan negara.

5. Saya yakin bahawa kesemua **74 kontinjen** yang bertanding dan keterlibatan kira-kira **1,500 orang pegawai,** akan menjanjikan semangat kesukanan yang tinggi!. SUKIPT kali ini juga akan berlangsung bersekali dengan sambutan 40 tahun UUM. Tahniah UUM! dan semoga terus cemerlang dalam melahirkan produk serta mahasiswa yang mendukung cita dan hasrat pendidikan tinggi negara.

6. Sukan Olimpik di Paris telah pun melabuhkan tirai pada 11 Ogos yang lalu, dan saya turut mengikuti perkembangan dari masa ke semasa

atlet-atlet IPT kita. Justeru, ini masanya untuk anda semua para atlet berusaha dengan lebih gigih lagi dan kita pastikan bilangan atlet IPT akan bertambah untuk ke temasya-temasya sukan antarabangsa.

7. Baru-baru ini juga dalam Sukan Paralimpik Paris 2024, Cheah Liek Hou menyumbang **pingat emas pertama Malaysia** apabila muncul juara menerusi acara perseorangan lelaki SU5 (Kecacatan fizikal) apabila menewaskan wakil Indonesia dalam perlawanan akhir dan **mempertahankan pingat emas** yang

dirangkul pada Paralimpik Tokyo 2020.

Hadirin dan hadirat, warga SUKIPT yang saya kasihi sekalian,

8. Jadikan juga kejayaan-kejayaan terdahulu atlet cemerlang SUKIPT sebagai satu dorongan dan pembakar semangat untuk anda semua para atlet mencipta kecemerlangan di SUKIPT 2024 ini. Sebanyak 46 rekod kejohanan yang telah dipecahkan di SUKIPT 2022, UPSI.

9. Jadi, **saya ingin mencabar para atlet yang bertanding dalam SUKIPT**

2024, untuk mencatatkan rekod kebangsaan, tidak kiralah dalam apa jenis acara pun. Mereka yang berjaya kita akan bagi secara bersama wang tunai berjumlah **Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00)**. **Boleh semua?**

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kejohanan pada kali ini. Terutamanya kepada **Universiti Utara Malaysia (UUM)** selaku tuan rumah SUKIPT 2024.

11. Terima kasih juga saya zahirkan kepada **semua IPT, Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN), Persatuan Sukan Kebangsaan, Agensi-agensi kerajaan, Majlis-majlis Sukan IPT, rakan penaja dan rakan media.**

12. Sesungguhnya sokongan dari anda semua menjadi azimat kepada Kementerian untuk terus mempersadakan sukan negara ke peringkat tertinggi.

    Selamat berjuang Semua!

13. **DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN SUKIPT 2024**!

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih!